



SIARAN MEDIA

KEMAS PERKASA USAHAWAN DESA, KE ARAH PENSIJILAN HALAL

1. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) telah menganjurkan Majlis Santunan Kasih Ramadan di Masjid Ar-Rahman, Kg. Rantau Panjang, Masjid Tanah, Melaka. Majlis merupakan program tahunan oleh Kementerian dan negeri Melaka adalah lokasi yang pertama daripada enam (6) lokasi pada tahun ini.
2. Majlis hari ini disempurnakan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi dan dihadiri Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh.
3. KEMAS turut mengedarkan 1,500 unit Roti Kampung hasil produk peserta Kelas Kemahiran Bidang Masakan KEMAS. Inisiatif ini sebagai komitmen KEMAS dalam memperkasa pengusaha desa dan industri makanan halal tempatan dengan meningkatkan daya saing produk tempatan.
4. KKDW melalui KEMAS menyasarkan Pensijilan Halal bagi kelas kemahiran bidang masakan KEMAS. Pensijilan Halal ini akan diperluas ke semua Kelas Masakan KEMAS.
5. Dalam perkembangan lain, Melaka yang menjadi negeri rintis bagi TABIKA Berkeperluan Khas atau TABIKA Tunas Istimewa (Autisme) dijangka beroperasi pada Julai 2025 dengan peruntukan RM300,000 daripada Kerajaan Negeri Melaka.
6. Terdapat tiga (3) lokasi pelaksanaan TABIKA Tunas Istimewa di negeri Melaka iaitu di TABIKA Ayer Hitam (Masjid Tanah), TABIKA Hang Jebat A (Melaka Tengah), dan TABIKA Merlimau Barat 2 (Jasin). Inisiatif ini akan diperluaskan ke seluruh negara pada 2026 dengan sasaran sekurang-kurangnya satu TABIKA Tunas Istimewa (Autisme) di setiap negeri.
7. Pada majlis ini juga agensi di bawah KKDW iaitu RISDA menyerahkan Dividen Projek Tanam Semula Komuniti (TSK) Negeri Melaka Tahun 2024 berjumlah RM1,926,321.65 dan Geran Program Prasarana Asas Pertanian (PAP) Negeri Melaka Tahun 2025 sebanyak RM175,600.00.

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)
7 MAC 2025